

Perkasa latihan, teknologi urus tadbir tanah

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali
dan Khairin Nazry Karim
bhrencana@bh.com.my

Pengurusan tanah mencakupi pelbagai aspek termasuk pemberimilikan, pembangunan, kutipan hasil, pemuliharaan dan pemantauan untuk kegunaan masa kini serta masa depan.

Malah, penyelidikan dan penerbitan bahan bacaan ilmiah serta berkualiti juga perlu diberikan keutamaan.

Selaras dengan tema Hari Tanah Negara 2023 bertemakan 'Pentadbiran Tanah Pemacu Kemakmuran Malaysia Madani', latihan tanah holistik melahirkan lebih ramai pentadbir tanah kompeten perlu diperkasakan lagi.

Bagi memastikan kelestarian pentadbiran tanah negara, beberapa usaha perlu dilaksanakan untuk memperkasa fungsi Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN).

Pertama, INSTUN perlu diperkasakan sebagai agensi tunggal latihan bidang pengurusan tanah. Oleh itu, ia perlu menyokong usaha penyediaan latihan dan pendidikan dalam bidang pengurusan tanah.

Penyediaan kursus berkaitan tanah dan ukur tanah akan membantu dalam mening-

katkan kecekapan profesional bidang ini.

Selain itu, masyarakat juga perlu dilibatkan dalam inisiatif ini untuk memperkuat hubungan dan mendapatkan sokongan usaha pemuliharaan tanah serta alam sekitar.

Pembabitian semua pihak berkepentingan

Pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi tanah melalui penyelidikan berterusan juga perlu diberi tumpuan. Hasil penyelidikan berkualiti harus diterbitkan dan dikongsi dengan masyarakat serta pihak berkuasa untuk meningkatkan kefahaman pengurusan tanah berkesan.

Kedua, pembangunan bersepadu dan mapan yang berkait dengan kelestarian pentadbiran tanah. Ini bermakna pembangunan mengambil kira kesan jangka panjang ke atas alam sekitar, masyarakat dan ekonomi.

Oleh itu, semua pihak berkepentingan seperti sektor swasta, masyarakat sivil dan kerajaan perlu dilibatkan kerana ia kunci kepada usaha mencapai matlamat pembangunan mampan.

Ketiga, teknologi baharu dan inovasi sangat penting dalam meningkatkan kecekapan serta keberkesanan pentadbiran tanah.

Ia mampu meningkatkan keupayaan mengumpul dan menganalisis data tanah dengan cekap, sekaligus membolehkan keputusan dibuat dengan tepat.

Dalam hal ini, INSTUN berupaya menjadi pusat

rujukan utama pengajaran teknologi terkini dalam pengurusan tanah.

Keempat, meningkatkan kesedaran pengurusan tanah. Diakui sejak kebelakangan ini, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan tanah semakin meningkat.

Peningkatan ini dipacu masalah ketidakseimbangan pembangunan, pemanasan global dan kehilangan habitat. Oleh itu, INSTUN perlu berperanan sebagai pemangkin utama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak berkuasa mengenai perlunya mengurus serta menggunakan tanah secara bijaksana.

Menerusi fungsi sedia ada, INSTUN boleh menjadi medium menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan kelestarian tanah terhadap kualiti hidup dan masa depan negara.

Hakikatnya, kelestarian pentadbiran tanah negara memerlukan usaha menyeluruh dalam meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak berkuasa terhadap kepentingan pengurusan tanah bijaksana.

Justeru, INSTUN berperanan penting sebagai pemangkin utama dalam memastikan kesedaran ini. Melalui latihan, pendidikan, penerbitan dan penyelidikan, ia dapat membentuk profesional berkualiti dalam bidang pengurusan tanah, manakala penggunaan teknologi baharu serta inovasi dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dan mengelakkan kerugian kepada kerajaan.



Pensyarah
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
cawangan Perak,
manakala Khairin
Nazry adalah
Pegawai Institut
Tanah Dan Ukur
Negara (INSTUN)